

NILAI MORAL DALAM CERPEN KARYA P.SUNDARAPANDIAN

MOHANA A/P MUNUSAMY

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti nilai moral, penggunaannya dalam gaya kepengarangan dalam kumpulan cerpen P. Sundarapandian. Analisis kajian ini tertumpu kepada 20 buah cerpen beliau yang dipilih daripada kumpulan cerpen berjudul *Tirunti Vā Makane*, *Ōḷi Pirantatu*, *Verrī Niccaya* dan *Vāḷa Niṇaittāl Vāḷalam*. Pendekatan kajian adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks berdasarkan Teori Moral Aristotle. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 13 nilai moral dan lima (5) tujuan penggunaan nilai moral dalam cerpen yang dikaji. Kajian ini juga menunjukkan pengarang merupakan seorang pengarang yang unik dalam menghasilkan cerpen-cerpen yang menonjolkan nilai-nilai moral. Kesimpulanya, kajian ini menunjukkan bahawa watak dalam kepengarangan P. Sundarapandian membicarakan nilai moral berkaitan dengan isu-isu dalam kehidupan. Implikasi daripada kajian ini, cerpen beliau sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan umum.





MORAL VALUES IN THE SHORT STORY BY P.SUNDARAPANDIAN

ABSTRACT

The purpose of the research is to identify moral values, analyze the use of moral values and the authorship of P.Sundarapandian's short stories. The analysis of this research focuses on 20 short stories selected from four anthologies entitled *Tirunti Vā Makāṇe*, *Ōḷi Pirantatu*, *Verri Niccaya* and *Vāḷa Niṇaittāl Vāḷalam* and *Vāḷa Niṇaittāl Vāḷalam*. The qualitative approach, namely library method and text analysis method encompassing moral theory of Aristotle was used to carry out this research. The findings show that there are 13 moral values and five purpose of using the moral values are used appropriately in these short stories. This research also shows P.Sundarapandian is a unique author in producing short stories that highlight moral values. Conclusion of this study proves that the characters in the authorship of the writers describe a lot of moral values in daily life. The implication of this study shows that his short stories are suitable for general reading.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
TRANSLITERASI	xvii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Operasional	
1.8.1 Nilai Moral	18



1.8.2	Cerpen	20
-------	--------	----

1.9	Kesimpulan	24
-----	------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
-----	------------	----

2.2	Kajian-kajian Lepas	26
-----	---------------------	----

2.3	Kesimpulan	39
-----	------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	42
-----	--------------------	----

3.2.1	Kerangka Kajian	43
-------	-----------------	----

3.3	Kaedah Kajian	45
-----	---------------	----

3.3.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	45
-------	---------------------------	----

3.3.2	Kaedah Analisis Teks	46
-------	----------------------	----

3.4	Kaedah Pengumpulan Data	47
-----	-------------------------	----

3.5	Teori Kajian	48
-----	--------------	----

3.5.1	Teori Moral	49
-------	-------------	----

3.5.2	Aplikasi Teori Moral Dalam Cerpen-Cerpen Kajian	54
-------	--	----

3.6	Kesimpulan	56
-----	------------	----





BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	57
4.2	Mengenal pasti nilai moral yang terkandung dalam cerpen karya P.Sundarapandian	58
4.2.1	Kepercayaan kepada Tuhan	58
4.2.2	Baik hati	65
4.2.3	Bertanggungjawab	72
4.2.4	Keadilan	81
4.2.5	Kasih sayang	83
4.2.6	Kerajinan	85
4.2.7	Keberanian	90
4.2.8	Kerjasama	93
4.2.9	Bertoleransi	96
4.2.10	Kesederhanaan	99
4.2.11	Kejujuran	101
4.2.12	Berterima kasih	103
4.2.13	Hemah tinggi	106
4.2.14	Kesimpulan	108
4.3	Menganalisis tujuan penggunaan nilai moral dalam Cerpen karya P.Sundarapandian.	111





x

4.3.1	Menyampaikan amanat	113
4.3.1.1	Mengajak ibubapa sedia berkorban	113
4.3.1.2	Anak perlu menghargai jasa ibubapa	117
4.3.1.3	Menjadi sahabat yang prihatin	119
4.3.1.4	Menyemai amalan jimat cermat	121
4.3.2	Memaparkan masalah sosial	123
4.3.2.1	Menjauhi diri daripada gejala penyalahgunaan Dadah	124
4.3.2.2	Membanteras jenayah	128
4.3.2.3	Menjauhi diri daripada gejala minum arak	131
4.3.3	Menyemai nilai-nilai murni	136
4.3.3.1	Masyarakat perlu bersifat tolong-menolong	136
4.3.3.2	Memiliki sifat kasih sayang terhadap keluarga	138
4.3.3.3	Yakin bahawa Tuhan akan melindungi kita	139
4.3.4	Sabar menghadapi pelbagai cabaran	142
4.3.5	Ketabahan membawa kejayaan	144
4.3.6	Kesimpulan	145





4.4	Mengkaji kepengarangan P.Sundarapandian.	147
4.4.1	Penglibatan dalam dunia kreatif	148
4.4.2	Kepengarangan P.Sundarapandian	150
4.4.3	Cerpen menjadi pilihan awal	153
4.4.4	Gaya penulisan dan pemikiran	154
4.4.5	Anugerah-anugerah yang diperolehinya	158
4.5	Kesimpulan	159

BAB 5 RUMUSAN

5.0	Pengenalan	161
-----	------------	-----



5.1	Analisis dapatan kajian	162
5.1.1	Mengenal pasti nilai moral yang terkandung dalam cerpen karya P.Sundarapandian	162
5.1.2	Menganalisis tujuan penggunaan nilai moral dalam cerpen karya P.Sundarapandian.	165
5.1.3	Menganalisis kepengarangan P.Sundarapandian.	167
5.2	Cadangan	170
5.3	Penutup	174

RUJUKAN	180
----------------	------------



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai cerpen-cerpen karya P.Sundarapandian	17
4.1	Nilai Kepercayaan Kepada Tuhan Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	59
4.2	Nilai Baik Hati Dalam Cerpen Karya Sundarapandian	65
4.3	Nilai Bertanggungjawab Dalam Cerpen Karya Sundarapandian. P.	73
4.4	Nilai Keadilan Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	81
4.5	Nilai Kasih Sayang Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	83
4.6	Nilai Kerajinan Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	86
4.7	Nilai Keberanian Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	90
4.8	Nilai Kerjasama Dalam Karya Sundarapandian.P.	94
4.9	Nilai bertoleransi dalam cerpen karya Sundarapandian.P.	96
4.10	Nilai Kesederhanaan Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	100
4.11	Nilai Kejujuran Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	102
4.12	Nilai Berterima Kasih Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	104
4.13	Nilai Hemah Tinggi Dalam Cerpen Karya Sundarapandian.P.	107



4.14	Senarai Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen P.Sundarapandian Yang Dikaji.	108
4.15	Bilangan Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen Yang Dikaji.	110
4.16	Jumlah Penagih Mengikut Kelulusan Akademik, 2010-2016	125
4.17	Senarai Tujuan Amalan Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen Yang Dikaji.	146
5.1	Bilangan Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen Yang Dikaji	163
5.2	Senarai Tujuan Amalan Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen Yang Dikaji.	165





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1	Kerangka Kajian	44
2	Kerangka Teori	53



**SENARAI SINGKATAN**

ADK	Anti Dadah Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MAGERAN	Majlis Gerakan Rakyat
MIC	Malaysian Indian Congress
MIED	Maju Institute of Education Development
PJK	Pingat Jasa Kebaktian
PPN	Pingat Pangkuan Negara
PPT	Pingat Pekerti Terpilih
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia





TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Culture. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf Bahasa Tamil yang digunakan.

VOKAL

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஒ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஔ	:	<i>au</i>

KONSONAN

க	:	<i>k</i>	ங	:	<i>ṅ</i>	ய	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ர்	:	<i>r</i>
ட	:	<i>ṭ</i>	ண்	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>l</i>
த்	:	<i>t</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan merupakan suatu wadah atau ekspresi hidup yang amat penting kerana termuat dengan nilai murni yang dijadikan alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia seharian. Karya sastera seperti novel, cerpen, pantun, syair, sajak dan cerita rakyat jelas mencerminkan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh manusia dan telah memulakan tradisi penerapan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Sastera moden melalui hasil karya cerpen dan novel turut menyambungkan tradisi tersebut dengan menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Penulisan dan penciptaan cerpen ialah satu ciptaan dan serlahan pengucapan bertulis yang indah membicarakan tentang sesuatu hal dan kejadian (Roslan, 2007).





Sastera ialah alat yang bertujuan untuk mempertajamkan pandangan dan pemikiran manusia terhadap hidupnya, memperkayakan jiwa manusia dan meninggikan tingkat peradaban manusia. Cerpen merupakan genre kesusasteraan moden yang mempunyai kelebihan tersebut. Pengaruh bahasa dan sastera Tamil di rantau ini menjangkau ke suatu jangka masa yang panjang. Warisan kebudayaan masyarakat tempatan diwarnai dengan budaya India selepas kedatangan pengaruh agama Hindu-Buddha dan pedagang-pedagang India pada abad kedua Masihi. Walaupun begitu, impak pengaruh India lebih ketara setelah penghijrahan masyarakat India ke Tanah Melayu mulai abad ke-18 dan majoritinya terdiri daripada kumpulan buruh dari India Selatan (Seiva Subramaniam, 2009).



kehidupan berlandaskan *Agam* (Dalaman-mental) dan *Puram* (Luaran-fizikal) yang meliputi nilai kecintaan, kemanusiaan, kebudayaan, kesenian, kebendaan dan kehidupan semasa sesuatu bangsa. Menurut penyair Tamil teragung, Barathiyar, kesusasteraan adalah merupakan sesuatu yang dinamik yang perlu berubah mengikut peredaran zaman. Menurut beliau, karya sastera mesti dalam bentuk yang mudah, indah dan bermakna (Kunaseelan, 2009).

Kesusasteraan ialah cerminan pemikiran dan perasaan sesebuah masyarakat yang dijalinkan dengan bahasa yang indah. Keindahan hasil kesusasteraan dapat memukau deria rasa dan perasaan serta mempengaruhi minda pendukungnya. Setiap bangsa di muka bumi ini pasti mempunyai kesusasteraannya yang asli, sejati dan tersendiri. Namun begitu, segala-galanya pasti bermula daripada tradisi pertuturan





atau lisan, kemudian berkembang kepada kemahiran menulis dan kini kesusasteraan sudah menempa nama dalam ruang siber (Roslan, 2007).

Hashim Awang (1972) mengatakan bahawa kesusasteraan ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Sastera yang dituturkan disebut sastera lisan dan yang ditulis disebut sastera tulisan. Selain itu, sastera juga memiliki keindahan dari aspek isi atau gaya pengucapannya. Beliau berpendapat perkataan “susastera” itu dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu “su” dan “sastera.” Su dikatakan membawa maksud indah, baik dan lebih berfaedah. Sastera pula membawa maksud huruf atau buku. Secara amnya, dapat dikatakan bahawa “kesusasteraan” membawa maksud kumpulan buku yang indah bahasa dan baik isinya.



peka terhadap keperluan semasa, keadaan persekitaran dan pengetahuan kreatif yang memang sudah sedia ada dalam dirinya lantaran minat yang mendalam dalam bidang kesusasteraan. Setiap hasil karya sudah pasti akan mengandungi pelbagai pengajaran, amanat, persoalan, nasihat dan sebagainya untuk tatapan dan renungan para pembaca. Mesej yang hendak disampaikan oleh para pengkarya adalah berfokus kepada nilai-nilai murni sejagat, tidak kira sama ada pengkarya itu dalam kalangan penulis lelaki atau perempuan (Roslan, 2007).

Menurut Zaliha Sharif (1993), perkataan ‘kesusasteraan’ dalam Bahasa Melayu sama pengertiannya dengan *literature* dalam Bahasa Inggeris. Istilah kesusasteraan dalam bahasa Melayu berasal daripada bahasa Sanskrit disebut ‘sastra’ yang bererti kitab suci ataupun buku petunjuk. Segala yang tertulis bernilai seni dan





estetik serta dan diiringi dengan maksud yang menjadi panduan, petunjuk dan pengajaran itu adalah disebut kesusasteraan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera merupakan suatu unsur seni yang memaparkan kisah manusia secara teratur. Genre-genre ini menjadi panduan yang teratur untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta alat memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Sastera juga boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi mewujudkan dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat (Jesuthas, 2010).

Menurut Kartigesu, R. (1978:4), sastera Tamil merupakan suatu aliran sastera yang paling tua di dunia ini. Karya-karya Tamil yang berusia lebih daripada 2000 tahun, kini dianggap sebagai sastera yang matang. Kaum Tamil di negara ini menjadi waris kepada tradisi sastera yang kaya ini.





Genre cerpen merupakan penulisan kreatif yang meluas. Menurut Subramaniam, N. (1980:3),

The short story emerged as a new literacy genre in the last few decades of the nineteen century and from that day it has shown a more surprising and steady development than any other literacy form. It is the latest addition to the body of imaginative writing.

Subramanian, N merumuskan bahawa cerita pendek muncul sebagai genre sastera baru pada beberapa dekad akhir abad kesembilan belas. Sejak itu, cerita pendek telah menunjukkan perkembangan yang mantap dan mengaumkan berbanding dengan genre lain. Genre ini merupakan tambahan terbaru kepada penulisan imaginatif.



Zaman permulaan cerpen Tamil di Malaysia agak sukar untuk ditentukan. Mengikut C.V.Kuppusamy pula, cerpen-cerpen Tamil sudahpun tersiar dalam akhbar-akhbar Tamil dalam lingkungan tahun 1930-an. Ketika itu, majalah *Munnetram* serta surat khabar seperti *Tamil Murasu*, *Tamil Nesan* dan *Malai Nadu* termuat dengan cerpen-cerpen Tamil (Kartigesu, R. 1978:3).

Pada penghujung tahun 1930-an, tiga lagi cerpen Tamil telah diterbitkan oleh sebuah majalah bulanan yang berjudul *Cinhthaman:i*. Cerpen-cerpen yang diterbitkan ialah *Pe:racai Peru Nhasht:am* karya S.Sadhasivam, *Kamala:mpikaiyin Kan:aku* oleh V.Balamamal dan *Rangakanin Rakaciya Ceyal* karya Srimathi S.R.A (Baskaran, N. 1995).





Berdasarkan pernyataan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa tradisi penulisan cerpen Tamil di Malaysia bermula sejak tahun 1930-an. Perkembangan cerpen telah membawa wadah baru untuk kesusasteraan Tamil di Malaysia. Selepas melalui suatu tahap perkembangan yang agak lembab pada peringkat awal, cerpen-cerpen Tamil di Tanah Melayu mula menunjukkan tahap kematangan pada tahun 1950-an dan terus berkembang dengan agak pesat mulai tahun 1960-an sehingga sekarang. Dalam konteks ini, karya cerpen Tamil pertama di Malaysia telah dihasilkan oleh Ve.Sinniah Pillai. Kumpulan cerpen beraneka ragam beliau berjudul *Navaraca Katai Mañcari: Ivai Iniya Karuppitta Kataika!* yang mengandungi lima buah cerpen ialah karya cerpen Tamil yang pertama memberi laluan kepada perkembangan genre cerpen dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia (Subramaniam, N. 1980:4).



Selain itu, perasaan cinta terhadap bahasa, budaya dan bangsa yang tercetus selepas Perang Dunia Kedua merupakan faktor utama perkembangan karya sastra kreatif Tamil di Tanah Melayu. Walaupun pengaruh peradaban India telah pun dikesan sejak kurun dua Masihi lagi, namun perkembangan sastra Tamil yang tulen mula di negara ini hanya dengan kehadiran golongan buruh India yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Tamil (Dhandayudham, 1983:114).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, penulis-penulis cerpen Tamil berusaha mencapai satu identiti yang tersendiri. Cerpen-cerpen Tamil mula mengatur suatu langkah baru, iaitu menghasilkan cerpen-cerpen yang berlatar belakangkan Tanah Melayu. Pada tahun 1958, satu pertubuhan penulis dengan nama Persatuan Penulis-Penulis Tamil Malaya telah berjaya ditubuhkan. C.V.Kuppusamy menjadi





pengerusi dan S.V.Veluswamy menjadi setiausaha persatuan tersebut (Karthigesu, R. 1979:25).

Dunia cerpen Tamil Malaysia juga mengalami perubahan-perubahan dalam aspek sejarah serta struktur. Menurut R.Kartigesu, (1973:74-76),

The field of Malaysia Tamil Short stories has had bright signs of growth and maturity in the last few years.If one compares the form, contents and style of Tamil short stories of today to those of the fifties when it really began to take a shape, the growth and maturity seems to be significant.

Berdasarkan pernyataan di atas, beliau berpendapat bahawa bidang cerpen



Tamil Malaysia menunjukkan tanda-tanda baik dari segi pertumbuhan dan kematangan dalam beberapa tahun belakangan ini. Jika seseorang membandingkan bentuk, kandungan dan gaya cerpen Tamil hari ini dengan penulis-penulis tahun 50-an yang benar-benar mula mengambil bentuk, pertumbuhan dan kematangan merupakan aspek yang penting.

Zaman pendudukan Jepun memberi nafas baru kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Tanah Melayu. Karya sastera, khasnya cerpen-cerpen Tamil secara simbolik telah digunakan untuk membangkitkan semangat perjuangan dan perpaduan. Zaman Jepun merintis jalan ke arah perkembangan sastera yang lebih meyakinkan dengan tema-tema berunsur politik, sosial dan ekonomi yang berlatar belakangkan negara ini. Antara penulis yang aktif menghasilkan karya pada zaman Jepun ialah C.V. Kuppusamy, Hameed Kalanjiam, Na.Palanivelu, Saetimogan, Pandid





Arumugam, Aathi Nagappan, Jeyamani, K.P. Subbiah dan Thillaigany (Baskaran. N.1995).

Kebanyakan karya pada sekitar tahun 1960-an ini berasaskan ‘sastera yang berbau tanah air’. Penulis-penulis yang diresapi semangat kebangsaan pada zaman pascamerdeka ini, berusaha menghasilkan karya bercorak Malaysia. Pada tahun 1962, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan menganjurkan Persidangan Penulis-Penulis Malaya di Singapura. Cerpenis Tamil tempatan turut menyertai persidangan itu. Penulis-penulis Cina dan India berpendapat bahawa kesusasteraan Malaya ialah karya-karya yang dihasilkan dalam sebarang bahasa yang digunakan di negara ini serta membawa ciri-ciri negara ini (Subramaniam, N. 1978:4).



Pada sekitar tahun 1970-an, tema-tema dalam hasil karya cerpen lebih ke arah persoalan sosial yang membicarakan latar kehidupan masyarakat sosial yang celik akan taraf kehidupan mereka. Seterusnya, kehadiran Dhandayudham pada tahun 1970-an telah membawa perkembangan pesat dalam bidang sastera Tamil moden di Malaysia. Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Ketika itu, beliau telah merangsangkan minat golongan graduan dan masyarakat umum terhadap bidang penulisan Tamil lalu melahirkan banyak penulis muda yang ingin berkecimpung dalam bidang kesusasteraan Tamil. Bidang penulisan cerpen Tamil mula melangkah ke alaf baru kerana berusaha menerapkan idea dan teknik semasa dalam bidang penulisan. Di samping itu, badan-badan kesusasteraan, akhbar-akhbar dan orang perseorangan turut memainkan peranan penting dalam perkembangan bidang sastera, terutama genre cerpen pada era ini.





Masalah-masalah yang dihadapi masyarakat sering dijadikan sebagai bahan cerita oleh pengarang. Biasanya, apa-apa yang terjadi dalam lingkungan sosial di sekitar pengarang menjadi gagasan atau idea pokoknya. Seseorang penulis menggabungkan idea tersebut dengan daya imajinasi untuk melahirkan karya sasteranya. Cerpen dapat mengambil sesuatu isu yang sedang berkembang dalam kehidupan kemasyarakatan sebagai idea atau tema. Idea atau tema yang ada dalam sebuah cerpen adalah beragam dan berunsurkan moral.

Penulis kreatif akan menghasilkan cerpen-cerpen dengan menggunakan metafora yang segar. Dengan kata lain, setiap penulis mencipta cerpennya dengan tujuan untuk membawa para pembaca memahami dan mengalami sesuatu kehidupan serta menyerapkan unsur moral agar menyedari sesuatu situasi itu untuk difikirkan bersama.



Di negara kita Malaysia, bumi subur lagi bertuah ini mempunyai ramai penulis yang berbakat dan berwibawa. Dalam barisan cerpenis Tamil Malaysia, P.Sundarapandian merupakan penulis yang banyak menghasilkan cerpen yang telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tahun 1990-an. Beliau ialah pemberita akhbar Tamil Nesan yang mempunyai bakat dan berjiwa sosial. Pada tahun 1992, beliau telah menerbitkan koleksi cerpen yang berharga yang menekankan semangat berdikari dalam kalangan masyarakat India.





P.Sundarapandian yang mendapat sanjungan tinggi dalam bidang penulisan cerpen, sentiasa mengutamakan isu-isu semasa yang dapat memupuk kesedaran dan merangsangkan pembangunan individu dan masyarakat. Beliau berpandangan bahawa sesuatu karya yang dikatakan sebagai bahan sastera wajar menerapkan nilai moral. Oleh itu, peranan dan kepentingan sastera, terutama cerpen, kepada masyarakat tidak pernah terhakis ditelan arus perubahan zaman malah masih diminati ramai sehingga kini.

Cerpen ialah tempat beliau mencurahkan segala pergolakan isi hatinya dan menerapkan nilai moral kepada pembaca. Keunikan dan keindahan dalam penggunaan kata-kata oleh cerpenis P.Sundarapandian menyebabkan cerpen-cerpennya diminati ramai dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada para pembaca. Dalam cerpen-cerpen beliau, terdapat susunan kata-kata yang indah, ringkas dan padat dengan mesej-mesej moral untuk golongan pembaca dan masyarakat umum dengan harapan agar setiap mesej yang dilontarkan akan dapat menyedarkan masyarakat dalam menangani sesuatu permasalahan dalam kehidupan seharian. Banyak hasil pengarang telah disiarkan dalam surat khabar harian sebagai salah satu wadah untuk mempengaruhi minda masyarakat.





1.3 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan dianggap sebagai satu ekspresi kehidupan yang menekankan nilai moral dan dijadikan alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia seharian. Karya sastra walau apa-apa bentuk sekalipun, banyak mencerminkan nilai moral yang diamalkan oleh manusia. Sastra Tamil tradisional seperti puisi dan drama telah memulakan tradisi memupuk pemikiran bersifat moral dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, sastra Tamil moden melalui genre novel dan cerpen meneruskan tradisi tersebut dengan menerapkan nilai moral dalam kalangan masyarakat kini. Hasil kesusasteraan seperti cerpen yang tersiar sama ada melalui media cetak, media elektronik atau teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bukan sahaja berfungsi untuk menghibur malahan mendidik masyarakat untuk menghayati nilai-nilai moral.



Nilai moral merupakan amalan baik yang perlu ada pada setiap orang supaya segala tindakan tidak menyeleweng daripada norma-norma sosial yang dikehendaki dalam masyarakat. Nilai moral ini dapat melahirkan insan yang unggul demi merealisasikan misi nasional negara. Moral sangat penting dalam kehidupan untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia. Sesungguhnya, sifat berakhlak mulia amat dituntut dari sudut budaya, peradaban dan agama. Nilai moral akan menjamin keadaan dan suasana hidup yang harmoni di Malaysia.

ஒழுக்கம் விழுப்பம் தரலான் ஒழுக்கம்
உயிரினும் ஒம்பப் படும். (குறள் 131)

*Ol-ukkam vil-uppam thralan ol-ukkam
uyirinum ompap pat:um (Kuplet:131)
(Singaravelu.S, 2014:53)*

